

UNTUK SIARAN SEGERA

“SuperPark” Asal Finland Bakal Bertapak di Malaysia

Taman kegiatan kawasan tertutup semua dalam satu ini akan memberikan pengalaman unik dan menyenangkan kepada rakyat Malaysia melalui pergerakan dan permainan



KUALA LUMPUR, NOVEMBER 7 – SuperPark merupakan sebuah taman kegiatan kawasan tertutup semua dalam satu dari Finland. Taman kegiatan yang paling mesra-pengguna di dunia ini bakal memberikan nafas baharu kepada gaya hidup di Malaysia melalui pelancaran rasmi SuperPark Malaysia pada minggu pertama Disember 2018!

Dengan keluasan 40,000 kaki persegi dan lokasi strategiknya di tengah-tengah Kuala Lumpur, SuperPark Malaysia bakal membawa keterujaan kepada rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat. Taman kegiatan ini akan menawarkan lebih 20 kegiatan menghiburkan, menyenangkan dan penuh bertenaga di bawah satu bumbung di Pusat Beli-belah Avenue K. Suasana di situ pastinya dipenuhi kemeriahan dan gelak ketawa kanak-kanak, remaja dan orang dewasa.

Eksklusif di Malaysia adalah sebuah gelanggang luncur dengan keluasan 2,500 kaki persegi yang diperbuat daripada ais tiruan 100% yang boleh dikitar semula, tidak toksik, serta disahkan mesra terhadap alam sekitar. Gelanggang luncur standard sukan tersebut mampu menampung beban yang amat tinggi. Lebih-lebih lagi, ais tiruannya bertindak seakan-akan ais biasa! Antara manfaat ais tiruan adalah tiadanya ais, sekaligus menjadikannya selamat untuk berjalan di atasnya tanpa tergelincir.

Ketua Pegawai Eksekutif Global SuperPark, En. Juha Tanskanen berkata, “Matlamat kami adalah untuk berkongsi keseronokan pergerakan dan permainan dengan semua lapisan usia, tidak kira tahap kecergasan. Bagi mencapai matlamat ini, kami telah

mencipta satu taman kegiatan yang paling mesra pengguna di dunia, satu tempat menyihatkan dan menggembirakan, di mana semua orang diterima bak sahabat. Malaysia pasti akan jatuh cinta dengan gaya hidup ‘Superparking’ dengan bermain, bersahabat dan demi kesihatan lebih baik.”

Menyusuli SuperPark Hong Kong yang bakal menyambut ulang-tahun pertama tidak lama lagi serta SuperPark Singapura yang bakal dibuka pada 17 November 2018, SuperPark Malaysia turut akan menghidupkan konsep asal SuperPark yang menakjubkan.

- SuperPark Malaysia akan menawarkan lebih 20 kegiatan berdasarkan tiga tema:
 - **Adventure Area** menawarkan kegiatan menarik buat anak kecil serta ibu bapa, termasuklah **iWall** (permainan parkour interaktif), **Flying Fox**, **Tiub Slide** (papan gelongsor), **Kid’s Gym** (sudut si cilik), **Kid’s Adventure City** (menara permainan), **Pedal Car Track**, dan banyak lagi.
 - Di **Game Arena**, remaja boleh menikmati sukan seperti **besbol**, meningkatkan kemahiran sukan mereka dengan **Street Basketball** (bola keranjang) atau bersaing dengan penjaga gol kecerdasan buatan **Robokeeper** (AI gol). Markah akan diukur menerusi penggunaan pengesan dan sistem digital lain supaya mereka boleh saling mencabar dengan kawan (atau ibu bapa!) mereka.
 - Di **Freestyle Hall** pula, remaja boleh mengetepikan telefon pintar mereka untuk menyahut cabaran **SuperClimb** (konsep mendaki yang direka secara khas dan menyeronokkan) serta **Ninja Track** (laluhan berhalangan) baharu, **Skate and Scoot World**, melonjat di **Trampoline Platform**, memanjat **Augmented Climbing Wall** serta bermain luncur di **Gelanggang Luncur**.

Di SuperPark Malaysia, kanak-kanak dan anak-anak muda akan teruja dengan begitu banyak jenis sukan dan kegiatan baharu, dengan semua peralatan sewa seperti skuter, topi keledar dan sebagainya yang telah termasuk dalam harga tiket. Semua aktiviti akan dijalankan di bawah bimbingan kakitangan berpengalaman yang kebanyakannya terdiri daripada jurulatih yang diiktiraf, serta selamat dari hujan, pencemaran, sinaran UV yang tinggi, atau pepijat dan nyamuk sepanjang tahun.

Paling hebat, SuperPark bukan dibina untuk kanak-kanak dan remaja sahaja. SuperPark Malaysia telah direka khas supaya semua orang dapat menyertai keseronokan ini dan kekal aktif.

“Kami faham betapa pentingnya keluarga, persahabatan serta masa bersantai bagi rakyat Malaysia. Sebab gaya hidup ‘Superparking’ begitu menarik adalah kerana semua orang dapat menikmati silaturahmi melalui pelbagai kegiatan yang ringan



SUPERPARKMALAYSIA

mahupun ekstrem. Di SuperPark Malaysia, kanak-kanak, remaja, ibu bapa bahkan datuk nenek juga dapat bermain, kekal aktif dan berseronok bersama-sama,” demikian kata Mark Kumarasinge, Ketua Pegawai Eksekutif Asia SuperPark.

Ikatan kekeluargaan membentuk intipati kisah SuperPark – Pada suatu hari, Taneli Sutinen, seorang ahli niaga Finland sedang bersantai di sebuah kafe sambil membaca surat khabar. Ketika itu, anak perempuannya yang berusia empat tahun datang menarik tangannya dan mengajaknya untuk bermain. Dalam suasana itu yang terdiri daripada terowong dan papan gelongsor saiz kanak-kanak, tiba-tiba terdetik di hatinya: mengapa tidak mencipta satu taman kegiatan di mana kanak-kanak dan orang dewasa dapat bermain bersama-sama dengan cara yang mudah? Maka lahirnya gaya hidup ‘Superparking’ hari ini.

SuperPark pertama dibuka di Vuokatti, Finland pada tahun 2012, diikuti dengan pembukaan 12 lagi lokasi di negara Nordic tersebut. Kini, gaya hidup ‘Superparking’ telah melonjak ke peringkat global. SuperPark Malaysia merupakan usaha perkembangan antarabangsa berterusan yang merangkumi Sweden, Perancis, Hong Kong, China and Singapura. Ia bercita-cita menyaksikan beratus-ratus, atau beribu-ribu SuperPark dibina di seluruh dunia ini bagi mengeratkan silaturahim sesama keluarga melalui permainan menyeronokkan.

Harga pas masuk sehari adalah antara RM30 – RM50 setiap orang (harga berbeza-beza untuk hari biasa, serta hari cuti termasuklah hujung minggu, cuti umum dan cuti sekolah). Enam bilik fungsi juga akan disediakan untuk aktiviti berkumpulan, hari jadi atau aktiviti korporat, sekaligus menjadikan SuperPark tempat ideal untuk aktiviti pembinaan pasukan, sambutan hari jadi, pertemuan semula antara kawan karib atau sambutan dalam keluarga.

TAMAT



SUPERPARKMALAYSIA

Mengenai SuperPark

SuperPark, sebuah taman kegiatan kawasan tertutup semua dalam satu yang paling mesra-pengguna di dunia, buat julung kalinya dibuka di Vuokatti, Finland pada tahun 2012. Hari ini, terdapat 13 buah SuperPark di Finland. Matlamatnya adalah untuk berkongsi keseronokan pergerakan dan permainan dengan semua individu tanpa mengira usia dan tahap kecergasan.

SuperPark Malaysia merupakan fasa ketiga usaha perkembangan antarabangsa yang merangkumi Hong Kong, China, Sweden dan Perancis. Keluasan taman kegiatan ini berukuran 40,000 kaki persegi dan terletak berdekatan dengan Menara Kembar Petronas di Kuala Lumpur dengan 3 bahagian yang bertema serta 6 bilik fungsi.

Untuk maklumat lanjut mengenai SuperPark:

- Layari laman sesawang global SuperPark: www.superpark.fi/en
- Layari laman sesawang Malaysia SuperPark: www.superpark.com.my
- Muat turun gambar-gambar SuperPark dari: [SuperPark Images Dropbox Link](#) (klik butang kanan tetikus)

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mad Hat PR

Su Zen Lim

Mobile: +6012 772 5082

Email: suzen@madhat.asia